

# LAKUAN ILOKUSI DALAM KENYATAAN PERDANA MENTERI SINGAPURA UNTUK MENGEKANG PENULARAN COVID-19

*(Illocutionary Acts of the Prime Minister of Singapore in Curbing the  
Transmission of COVID-19)*

Indirawati Zahid\*  
indirawati@um.edu.my

Muhammad Nasri Selamat  
m.nasri.selamat@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):\*

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Indirawati Zahid & Muhammad Nazri Selamat. (2022). Lakuan ilokusi dalam kenyataan Perdana Menteri Singapura untuk mengekang penularan COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 77–104. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no4)

Peroleh: Received:	8/8/2021	Semakan: Revised	24/2/2022	Terima: Accepted:	21/4/2022	Terbit dalam talian: Published online:	2/6/2022
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	-------------------------------------------	----------

## Abstrak

COVID-19 merupakan wabak yang kesannya luar biasa kepada manusia di seluruh dunia sehingga diisytiharkan sebagai pandemik. Kesan luar biasa ini telah menyebabkan usaha mengekang penularannya perlu dilakukan. Dalam hal ini Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong (LHL) telah mengeluarkan lima kenyataan dalam bahasa Melayu bertujuan untuk menyampaikan mesej penjagaan keselamatan dan kesejahteraan penduduk negara Singapura dalam situasi COVID-19. Kenyataan ini bertujuan untuk mempengaruhi audiensnya agar dapat bersama-sama mengekang penularan COVID-19 di Singapura. Bagi memperlihatkan tujuan kenyataan ini, kenyataan LHL ini telah dianalisis dengan mengaplikasikan teori lakuan ilokusi komunikatif yang diusulkan oleh Bach dan Harnish (1979) dengan berfokus pada dua kategori dan subkategorinya, iaitu arahan dan komisif. Analisis mengaplikasikan kaedah kualitatif, iaitu analisis tematik yang mempunyai tujuh fasa.

Antaranya termasuklah muat turun, pengekodan dan klasifikasi bagi mencapai dua objektif yang ditetapkan, iaitu mengklasifikasi dan membincangkan daya ilokusi kategori serta subkategori arahan dan komisif. Dapatan analisis memperlihatkan daya ilokusi ditandai oleh penggunaan kata kerja modalitas (KKM) - mesti, boleh, akan; kata kerja aspek (KKA) - akan, kata kerja (KK), antaranya harap (berharap), bersiap dan melonggarkan; dan kata larangan, jangan. Ilokusi LHL ini membuktikan bahawa LHL telah mempraktikkan tadbir urus baik, iaitu kerajaan yang mempunyai ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban terhadap penduduk Singapura yang telah memilih mereka sebagai pemerintah. Tadbir urus baik ini direpresentasi melalui ilokusi LHL yang memberikan arahan dan janji kepada penduduk Singapura dalam menghadapi situasi COVID-19.

Kata kunci: Kenyataan, Perdana Menteri Singapura, COVID-19, ilokusi, daya ilokusi, tadbir urus baik

#### **Abstract**

*COVID-19 is an epidemic with extraordinary effects to such an extent that it was declared a pandemic. These extraordinary effects have led to the need for efforts to curb its spread. In this case, the Prime Minister of Singapore, Lee Hsien Loong (LHL), issued five remarks in the Malay language that were intended to convey a message of security and welfare to the population of Singapore during the COVID-19 situation. These remarks were aimed to influence its audience to jointly curb the spread of COVID-19 in Singapore. To illustrate their purpose, LHL's remarks were analysed by applying the theory of communicative illocutionary acts proposed by Bach and Harnish (1979), with focus on two categories and subcategories, namely directives and commissives. The analysis applies qualitative method, namely thematic analysis, which has seven phases, including download, coding and classification, in order to achieve two objective sets, which are classifying and discussing the illocutionary force of the categories and subcategories of directives and commissives. The findings of the analysis showed that the illocutionary force is characterized by the use of the modality verbs (KKM) "mesti", "boleh" and "akan"; the verb aspect (KKA) "akan" and other verbs (KK), including "harap (berharap)", "bersiap" and "melonggarkan"; and the prohibitive word "jangan". LHL's illocutionary acts prove that he has practiced good governance, that is, a government that has transparency, efficiency and accountability towards the people of Singapore who have elected them as rulers. This good governance*

*is represented through the illocutionary acts of LHL, who gives directions and promises to the people of Singapore in dealing with the COVID-19 situation.*

*Keywords: Remarks, Prime Minister of Singapore, COVID-19, illocutionary, illocutionary force, good governance*

## PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia menyebabkan tindakan yang segera dan tepat perlu dilakukan. Pandemik ini merupakan wabak yang berpunca daripada virus baharu yang sebelum ini tidak pernah ditemui (World Health Organization, 2020a). Implikasi virus ini telah menyebabkan banyak kematian dan menjejaskan kehidupan sedia ada. Kesan virus ini dipandang serius, dan pemerintah negara telah mengambil pelbagai langkah bagi membendungnya.

Secara ringkas, Lee Hsien Loong (LHL) ialah Perdana Menteri Singapura sejak tahun 2004 sehingga kini. LHL ialah setiausaha general Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party (PAP)*) yang sebahagian besar ahli parti politiknya terpilih menganggotai Parlimen Singapura. Sebagai Perdana Menteri Singapura, beliau mengetuai kerajaan Singapura dan mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap rakyat dan penduduk Singapura. Sehubungan dengan itu, apabila pandemik COVID-19 melanda dunia, beliau sebagai individu yang bertanggungjawab akan kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk Singapura telah memberikan lima kenyataan dalam bahasa Melayu berkaitan dengan situasi COVID-19 di Singapura. Bagi tujuan kejelasan rujukan, frasa rakyat dalam perbincangan ini merujuk warganegara Singapura, manakala frasa penduduk Singapura ialah istilah yang lebih umum, iaitu mencakupi warganegara dan bukan warganegara Singapura.

Kenyataan ialah sesuatu yang dinyatakan sebagai peringatan atau sebagai pengumuman (PRPM, 2021). Dalam bahasa Inggeris, teks kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) Singapura merujuk pada *remarks* yang bermaksud pertamanya *an expression of opinion or judgment* dan keduanya, *mention of that which deserves attention or notice* (Merriam-Webster Dictionary, 2021). Sesuai dengan definisi yang diberikan, kenyataan LHL tidak dapat dinafikan patut diberikan perhatian kerana inti patinya yang penting dan memberikan implikasi kepada

anggota masyarakatnya. Kandungan kenyataan LHL didapati bertujuan untuk menyampaikan maklumat, peringatan dan usul pematuhan daripada pemerintah yang perlu dilaksanakan oleh anggota masyarakat bagi mengekang penularan wabak ini. Kenyataan yang diberikan ini didapati ringkas, tepat, padat dan bermaklumat. Secara teknikalnya kenyataan oleh LHL menepati panduan penulisan teks ucapan oleh Neale dan Ele (2007), iaitu disediakan dalam bentuk yang mudah, langsung dan sentiasa menggunakan ayat yang ringkas bagi mempermudah kefahaman audiens. Antara contoh ayat tersebut: “Ancaman virus korona baru ini sedang pesat berkembang.”, “Kini, kita lebih bersedia menangani virus baru ini.” dan “Sifat takut dan cemas adalah sesuatu yang semula jadi.” Ayat seperti ini mempermudah kefahaman audiens akan inti pati kenyataan selain dapat mengelakkan gangguan semantik. Gangguan semantik merujuk penggunaan jargon, slanga dan sebagainya kepada individu yang berada di luar skop bidang yang menyebabkan audiens menghadapi masalah untuk memahami komunikasi yang berlangsung (West & Turner, 2010). Usaha mengelakkan gangguan semantik dititikberatkan dalam konteks kenyataan Perdana Menteri kerana audiens yang dirujuk mempunyai pelbagai latar belakang pengetahuan, kecekapan berbahasa serta taraf akademik yang berbeza dan sebagainya. Hal yang sama diperkatakan oleh Neale dan Ele, iaitu:

*It is important for speechwriters to analyze audiences according to factors such as age; gender; culture; profession; size of audience; political affiliation, if any; and the occasion for, and purpose of, the speech.*

Penyataan oleh Neale dan Ele ini antara lainnya menjelaskan tentang faktor umur, jantina, budaya, acara dan tujuan ucapan yang perlu diambil kira oleh penulis skrip ucapan ahli politik. Sementara itu menurut mereka lagi, teks ucapan yang paling efektif seharusnya mempunyai kepanjangan masa yang tidak melebihi 20 minit.

Sesuai dengan tujuan kenyataan ini, iaitu membendung penularan wabak COVID-19, LHL merepresentasi tujuan tersebut melalui ekspresi ujarannya. Paparan ekspresi ini ialah lakuan ilokusi (LI) dalam teori Lakuan Tutaran (LT) dan mempunyai fungsi bahasa. Sementara, kesan LI, iaitu tujuan atau niat penutur (S) kepada pendengar (H) ialah daya ilokusi (Brown & Miller, 2013; Bach & Harnish, 1979). Kesan yang dinyatakan ini dikenal pasti melalui Alat Penunjuk Daya Ilokusi (*Illocutionary Force*

*Indicating Devices* (IFID), Searle & Vanderveken, 1985), iaitu kata kerja performatif, susunan kata, tekanan, kontur intonasi dan jeda – makna konteks ujaran. Kajian daya ilokusi dalam bahasa Inggeris misalnya telah menyenaraikan sejumlah kata kerja performatif yang menandai daya ilokusi dalam LI yang dirujuk. Antara kata kerja performatif yang disenaraikan termasuklah *berjanji, mengarahkan, meminta, mencadangkan, membantah* dan sebagainya (Verschueren, 1977). Daya ilokusi ini selanjutnya mengklasifikasikan LI yang mempunyai empat kategori, iaitu pengumuman, arahan, komisif dan perakuan. Sehubungan dengan itu, untuk membuktikan LI tersebut, ujaran LHL dianalisis dengan mengaplikasikan teori LT oleh Bach dan Harnish (1979, 41), iaitu lakuan ilokusi komunikatif. Analisis berfokus pada kategori dan subkategori arahan dan komisif sahaja. Kedua-dua kategori dan subkategori ini berkaitan rapat dengan Teori Behaviourisme, iaitu teori perlakuan manusia yang apabila mendapat rangsangan akan memberikan tindak balas (Skinner, 1938). Teori ini antara lainnya menekankan pengukuhan untuk memastikan perlakuan yang diinginkan dilakukan secara berterusan. Pemilihan kategori dan subkategori ini juga akan akhirnya memperlihatkan peranan Perdana Menteri yang mewakili kerajaan yang dipilih menyampaikan perintah dan komitmennya dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 kepada audiensnya, iaitu penduduk Singapura.

## **SOROTAN KAJIAN**

Verschueren (1977) menyatakan bahawa kajian LT ialah satu-satunya kajian yang memberikan jaminan untuk memahami fungsi bahasa yang sebenarnya. Selari dengan pernyataan ini telah ditemukan banyak kajian yang mengaplikasikan teori LT antaranya kajian yang menggunakan korpus pengajaran guru dalam kelas, perbincangan dalam mesyuarat, filem, ruangan status di Facebook, ceramah agama dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengehadan perbincangan yang bersesuaian dengan skop kajian yang dilakukan ini, hanya tiga kajian pada empat tahun terakhir dan kajian terkini pada tahun 2021 dibincangkan. Tujuannya untuk memperlihatkan fungsi bahasa dalam korpus politik yang pelbagai.

Analisis ucapan Edi Rama seorang ahli politik yang memenangi pilihan raya di Albania dilakukan oleh Dylgjeri (2017) dengan mengaplikasikan teori LT oleh Searle (1969). Dapatan kajian ini memperlihatkan ahli politik ini cenderung menggunakan LI komisif selain asertif dan ekspresif. Kecenderungan ahli politik menggunakan LI komisif dalam konteks kajian

ini bertitik tolak daripada hasrat memenuhi hati dan fikiran warga Albania dengan jangkauan dan harapan pada masa depan yang lebih cerah.

Berbeza dengan kajian yang sering mengaplikasi teori oleh Austin (1962), Searle (1969); dan Bach dan Harnish (1979), Nura Siti dan Muhammad Yazid (2018) mengaplikasi teori lakuan tuturan Yule (1996) dalam kajian mereka. Korpus yang dijadikan bahan kajian ialah ucapan pengukuhan Presiden Amerika, iaitu Donald Trump. Kajian ini menemukan dominasi LI representatif diikuti dengan ekspresi, direktif, komisif dan deklaratif. Dapatan ini memperlihatkan bahawa LI Trump bertujuan pernyataan fakta dan asertif yang bermotif memujakan kepada audiensnya.

Sementara itu, Khalid dan Ameen (2019) dalam kajiannya mengaplikasikan gabungan dua teori LT, iaitu Searle (1969) dan Austin (1962) dalam dua teks ucapan politik terpilih masing-masingnya oleh *UNAMI Regional Office Erbil* dan Perdana Menteri Kurdistan berkaitan dengan ulang tahun peristiwa pembunuhan di Yazidi. Dapatan analisis ini menemukan kecenderungan penggunaan LI asertif pada kedua-dua teks ucapan politik tersebut yang merepresentasikan antaranya fakta, maklumat dan kekuasaan.

Selanjutnya, antara kajian LT terkini pada tahun 2020 dan 2021 dilakukan oleh Akinkurolere (2020), Ramanathan, Paramasivam dan Tan (2020), Harshita, Noor Asliza, Noriha dan Zaliza (2020); Maisarah dan Fatin Fatinah (2020) dan Krishnan, Mello, Arumugam, Suppiah, Paramasivam dan Mohammad Nor Afandi (2021). Akinkurolere (2020) menggunakan korpus dua ucapan Presiden Nigeria, masing-masing pada tahun 2008 dan 2009 yang berkaitan dengan teks angkat sumpah para menteri baharu dan belanjawan. Kajian ini mengaplikasi dua teori LT, iaitu oleh Searle (1969); dan Bach dan Harnish (1979). Dapatan kajian ini menemukan penggunaan pelbagai LI dalam teks yang dianalisis, iaitu asertif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Walau bagaimanapun bagi teks ucapan belanjawan, dapatan analisis menemukan LI komisif dan deklaratif yang tinggi disebabkan oleh faktor ekonomi semasa yang mencabar semasa itu. Sehubungan dengan itu LI yang diaplikasi disimpulkan berfungsi antaranya memberikan motivasi dan pengharapan kepada rakyat oleh Presiden Nigeria.

Sementara itu korpus ciapan Twitter Najib Razak dan Narendra Modi, masing-masingnya mantan Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri India dianalisis oleh Ramanathan, Paramasivam dan Tan (2020). Kajian ini mengaplikasi teori Searle (1969) dan Wodak (2005) untuk menganalisis LI dan strategi diskursif ciapan. Perbincangan analisis juga menyentuh dan

membincangkan secara ringkas kata kerja yang menandai LI yang dirujuk. Dapatan analisis ini menemukan aplikasi LI komisif serta direktif dengan penggunaan kata kerja misalnya *berjanji*, *mengikuti*, *memberi*, *menolak* dan sebagainya bagi mendukung makna tindakan yang dirujuk. Dapatan ini memperlihatkan bahawa ciapan Twitter yang dihadkan jumlah karakter boleh mempengaruhi keputusan politik dalam masyarakat.

Selanjutnya, Harshita, Noor Asliza, Noriha dan Zaliza (2020) telah menganalisis teks ucapan Presiden UMNO, iaitu Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agung Umno (PAU) pada tahun 2017 dan tahun 2018. Analisis ini mengaplikasi teori Bach dan Harnish (1979). Dapatan kajian ini menemukan penggunaan keempat-empat kategori LI, iaitu pengumuman, arahan, komisif dan perakuan. Pada PAU 2017 dapatan menemukan penggunaan LI pengumuman dan arahan secara khusus yang bertujuan mempengaruhi audiens, manakala pada PAU 2018, LI perjanjian dan pengakuan diaplikasi, iaitu bersesuaian dengan senario sosiopolitik semasa itu, iaitu selepas kekalahan UMNO dalam pilihan raya ke-14.

Maisarah dan Fatin Fatinah (2020) menganalisis perutusan khas (fungsi yang sama dengan kenyataan seperti yang dinyatakan dalam bahagian Pendahuluan) Perdana Menteri Malaysia. Perutusan khas ini berkaitan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan kepada penduduk di Malaysia pada 18 Mac 2020. Kajian ini mengaplikasi Teori Lakuan Tuturan Searle (1969) dengan berfokus pada ujaran langsung dan tak langsung. Dapatan kajian ini memperlihatkan kecenderungan penggunaan LI ekspresif dan direktif yang bertujuan untuk memujuk audiens. Dapatan kajian ini didapati tidak secara *per se* membincangkan kata kerja yang digunakan untuk mendukung fungsi ujaran yang dirujuk, sebaliknya perbincangan ini bersifat umum sesuai dengan objektif kajiannya menganalisis ujaran langsung dan tak langsung.

Terkini, Krishnan, Mello, Arumugam, Suppiah, Paramasivam dan Mohammad Nor Afandi (2021) telah melakukan analisis perbandingan LI Perdana Menteri Malaysia dan Singapura dalam kenyataan pertama mereka berkaitan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian yang dilakukan mengaplikasi teori LT oleh Searle (1969). Analisis kajian ini mendapati Perdana Menteri Malaysia lebih banyak menggunakan LI arahan berbanding dengan Perdana Menteri Singapura. Selain itu ditemukan juga aplikasi LI asertif, komisif dan ekspresif dalam kenyataan yang diberikan. Kajian ini menyimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aplikasi LI pada kenyataan kedua-dua Perdana Menteri yang dirujuk.

Kedua-dua Perdana Menteri ini didapati telah berkongsi maklumat yang lengkap dan bersifat fakta bagi mengelakkan salah faham dalam kalangan audiens berhubung dengan tujuan kenyataan pemerintah dalam mengekang penularan wabak COVID-19.

Sorotan kajian yang dibincangkan memperlihatkan penggunaan korpus ucapan dan kenyataan ahli politik dalam pelbagai peristiwa. Hal ini kerana ucapan dan kenyataan oleh ahli politik lazimnya memperlihatkan fungsi bahasa yang ditandai oleh daya ilokusi yang jelas, iaitu bersesuaian dengan objektif ucapan dan kenyataan tersebut. Perbincangan dalam sorotan kajian ini memperlihatkan kajian oleh Maisarah dan Fatin Fatinah (2020); dan Krishnan, Mello, Arumugam, Suppiah, Paramasivam dan Mohammad Nor Afandi (2021), menggunakan korpus yang hampir sama dengan kajian yang sedang berlangsung sekarang. Walau bagaimanapun, fokus analisis kedua-dua kajian yang dinyatakan tersebut tidak menyentuh aspek daya ilokusi yang menandai kategori dan subkategori yang dirujuk, iaitu penggunaan kata kerja bagi mendeskripsikan kategori LI. Analisis dalam kedua-dua kajian tersebut lebih berfokus pada makna dalam konteks ujaran LI. Hanya kajian oleh Ramanathan, Paramasivam dan Tan (2020) yang mengkombinasikan dua teori, iaitu Searle (1969) dan Wodak (2005) telah membincangkan kata kerja yang menandai daya ilokusi LI yang dirujuk.

Lanjutan itu, perbincangan dalam sorotan kajian ini telah memperlihatkan bahawa fungsi bahasa dapat diperoleh dengan analisis LI. Oleh itu, analisis LI perlu dilakukan secara lebih rinci bagi memperkukuh dapatan perbincangan dan sekali gus menyediakan satu senarai kata kerja yang merujuk kategori LI yang tersebut. Kajian oleh sarjana Barat telah menyediakan satu senarai kata kerja yang menandai LI yang dibincangkan (Austin, 1962; Searle, 1976; McCawley, 1977; Bach & Harnish, 1979). Sebaliknya pula, kajian dalam bahasa Melayu masih kurang. Lanjutan itu kajian yang mengarah kepada analisis sebegini perlu dilakukan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Lakuan tuturan merupakan teori yang memaparkan niat (tujuan) ujaran. Kesan niat ini, iaitu daya ilokusi dapat dikenal pasti melalui kata kerja yang menandai LI yang dirujuk selain aspek lain dalam makna konteks ujaran. Kajian LI yang dilakukan dalam bahasa Inggeris misalnya telah menyenaraikan sejumlah kata kerja yang digunakan bagi LI yang dianalisis bagi memperlihatkan dan memperkukuh ekspresi ujaran niat S kepada H (Austin, 1962; Searle, 1974; McCawley, 1977; Bach & Harnish, 1979). Hal



ini juga berkaitan dengan penggunaan genre yang pelbagai sebagai data kajian. Pernyataan ini selari dengan perbincangan dalam sorotan kajian, iaitu penemuan pelbagai dapatan berasaskan tujuan. Hal ini membuktikan bahawa setiap satu aplikasi LI tersebut berkadar langsung dengan niat yang dirujuk. Kajian oleh Harshita, Noor Asliza, Noriha dan Zaliza (2020) misalnya memperlihatkan aplikasi LI yang bersesuaian dengan senario yang berlaku dalam negara pada tempoh yang tertentu. Begitu juga kajian perbandingan aplikasi LI oleh dua orang Perdana Menteri di dua buah negara yang berlainan didapati memperlihatkan LI yang berbeza berasaskan niat S yang berkorelasi dengan objektif kenyataan (Krishnan, Mello, Arumugam, Suppiah, Paramasivam dan Mohammad Nor Afandi, 2021). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak berfokus pada daya ilokusi yang ditandai oleh kata kerja. Hanya terdapat satu kajian yang membincangkan daya ilokusi yang ditandai oleh kata kerja dalam LI yang dianalisis, iaitu kajian oleh Ramanathan, Paramasivam dan Tan (2020). Oleh itu, kajian ini akan menganalisis LI Perdana Menteri Singapura, iaitu daya ilokusinya – kata kerja dan makna konteks ujaran untuk menzahirkan tanggungjawabnya kepada penduduk di negaranya dalam suasana pandemik COVID-19.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengklasifikasi daya ilokusi kategori serta subkategori arahan dan komisif dalam kenyataan Lee Hsien Loong dan membincangkan daya ilokusi kategori serta subkategori arahan dan komisif dalam kenyataan Lee Hsien Loong.

## **BAHAN KAJIAN**


Kajian ini menganalisis siri kenyataan yang diberikan dalam bahasa Melayu oleh Lee Hsien Loong (LHL), Perdana Menteri Singapura berhubung dengan situasi pandemik COVID-19 yang melanda Singapura. Terdapat lima kenyataan yang diberikan, iaitu pada bulan 8 Februari 2020 dan 12 Mac 2020, masing-masingnya berjumlah satu sementara tiga kenyataan pada bulan April 2020, iaitu pada 3 April 2020, 10 April 2020 dan 21 April 2020. Kesemua kenyataan ini diperolehi daripada laman sesawang Prime Minister's Office (PMO), Singapore, <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/>. Kenyataan yang berbentuk lisan ini dikategorikan sebagai tuturan manuskrip (*manuscript speaking* atau *manuscript speech*) dengan maksud LHL membaca teks yang telah disediakan kepadanya. Menurut

Nikitina (2011), tuturan manuskrip lazim digunakan oleh ahli politik dan disampaikan secara perkataan demi perkataan kerana setiap satu kata yang terdapat dalam ucapan tersebut mempunyai maklumat yang penting dan tidak boleh berlakunya kesilapan semasa penyampaiannya. Oleh sebab kenyataan ini dalam bentuk lisan, kebanyakan kata kerja yang digunakan telah mengalami pengguguran imbuhan misalnya imbuhan *meN-* dan *beR-*, misalnya “... perlukan apa-apa (yang sepatutnya ialah memerlukan apa-apa), “... lakukan perkara penting .., (sepatutnya ialah melakukan perkara penting)”, “... sebarkan ... (sepatutnya ialah menyebarkan)”, “... *harap* (berharap) ...” dan sebagainya. Kenyataan ini disediakan dalam bentuk pemerenggan yang mempunyai jumlah dan kepanjangan yang berbeza. Setiap satu perenggan mempunyai jumlah ayat (ujaran) yang berbeza. Jumlah keseluruhan perenggan yang dianalisis ialah 51 perenggan, iaitu Teks 1 berjumlah 11 perenggan; Teks 2, 8 perenggan; Teks 3, 7 perenggan; Teks 4, 12 perenggan dan Teks 5, 13 perenggan. Kenyataan dalam bentuk pemerenggan ini dikenal pasti kesahihannya dengan rujuk silang yang dilakukan pada teks bercetak yang dimuat naik dalam laman sesawang PMO, Singapura.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif, iaitu analisis tematik (Lester, Cho & Lochmiller, 2020; Wong, 2008) yang mencakupi tujuh fasa, iaitu Fasa 1 – memuat turun dan mengorganisasikan data untuk tujuan analisis; Fasa 2, ulang dengar, transkripsi data dan rujuk silang; Fasa 3 – memahami ciri-ciri dan struktur data; Fasa 4 – *memoing*, iaitu catatan ciri-ciri data; Fasa 5 – pengekodan, iaitu pemberian kod bagi memberikan makna kepada data; Fasa 6 – klasifikasi data, iaitu pengelompokan data berasaskan kategori dan subkategori; dan Fasa 7 – proses analisis teks yang telus, iaitu bertujuan mempermudah kefahaman analisis seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 Carta Alir Data Analisis Kualitatif.

Fasa 1, iaitu muat turun data audio visual dilakukan daripada laman sesawang Prime Minister’s Office, Singapore, <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/> dan disimpan dalam satu *folder* khas. Fasa 1 diikuti dengan Fasa 2, iaitu proses ulang dengar bagi memastikan transkripsi dapat dilakukan dengan tepat. Pada fasa ini juga, rujuk silang dilakukan bagi memastikan bahawa kenyataan yang diberikan tersebut merupakan tuturan manuskrip seperti yang dinyatakan oleh Nikitina (2011). Selanjutnya Fasa 3, memahami ciri-ciri dan struktur data, iaitu pendahuluan, isi dan penutup



**Rajah 1** Carta alir data analisis kualitatif.

yang memperlihatkan kesinambungan maklumat. Fasa ini dapat dianggap sebagai analisis awal. Fasa 4 melakukan *memoing* dengan maksud mencatatkan interpretasi terhadap data yang dianalisis untuk analisis yang selanjutnya. Fasa 5 merupakan pemberian pengekodan pada data yang telah dikenal pasti dengan melibatkan dua langkah seperti yang berikut:

Langkah 1: Simbol huruf yang mewakili singkatan bagi teks, perenggan, lakuan ilokusi, kategori dan subkategori.

Langkah 2: Angka yang merujuk pada urutan dan bilangan.

Contohnya, T1P1APMT1 yang dibaca sebagai Teks 1, Perenggan 1, Arahan, Permintaan 1.

T5P8AJJ1 yang dibaca sebagai Teks 5, Perenggan 8, Arahan, Janji 1

Oleh sebab setiap satu perenggan yang dianalisis mempunyai lebih daripada satu ayat maka kebarangkalian untuk sesuatu perenggan yang dianalisis mempunyai lebih daripada satu LI akan wujud. Fasa 6 melibatkan pengklasifikasian data kepada kategori dan subkategori yang relevan, iaitu kategori arahan dan komisif yang masing-masingnya mempunyai enam dan dua subkategori; dan terakhir Fasa 7, iaitu memperlihatkan proses analisis yang telus dengan kefahaman analisis bahawa dapatan yang diperoleh dapat dibuktikan dengan hujah tertentu. Dalam konteks analisis, LHL ialah S, manakala audiensnya, iaitu penduduk Singapura ialah H.

### KERANGKA TEORITIS

Bach dan Harnish (1979) menyatakan bahawa apabila seseorang individu (S) berkomunikasi, komunikasi yang berlangsung tersebut mempunyai tujuan yang ingin disampaikan khususnya kepada individu yang dilawan bicara (H). Tujuan yang terkandung dalam ujaran tersebut dianggap berjaya apabila individu yang dilawan bicara tersebut mengakui tindakan dan daya ilokusi tersebut. Hal ini bermaksud apabila S berkomunikasi, S melakukan sesuatu tindakan yang akan memberikan kesan kepada H. Kesan ini dirujuk sebagai daya ilokusi. Daya ilokusi dikenal pasti dengan IFID seperti yang dinyatakan pada bahagian Pendahuluan. Sehubungan dengan itu, analisis yang dilakukan akan membincangkan kata kerja dan makna konteks yang dirujuk dalam ujaran yang tersebut. Teori lakuan tuturan oleh Bach dan Harnish (1979, 41) mengemukakan empat kategori LI, iaitu pengumuman, arahan, komisif dan perakuan di samping sejumlah subkategori bagi setiap satu kategorinya. Sungguhpun demikian kajian ini hanya berfokus pada dua kategori dan subkategori LI, iaitu arahan

**Jadual 1** Lakuan ilokusi.

		<b>Kategori</b>
<b>Arahan (A)</b>		<b>Komisif (K)</b>
Bil	Subkategori	
1	Permintaan (PMT)	Janji (JJ)
2	Pertanyaan (PTYN)	Tawaran (TWR)
3	Keperluan (KP)	
4	Larangan (LR)	
5	Permisif (PMSF)	
6	Penasihatatan (PNST)	

dan komisif bagi memperlihatkan perintah dan komitmen LHL dalam kenyataannya. Jadual 1 memaparkan LI yang dirujuk.

Jadual 1 memperlihatkan LI Arahan yang mempunyai enam subkategori, iaitu permintaan (PMT), pertanyaan (PTYN), keperluan (KP), larangan (LR), permisif (PMSF) dan penasihatn (PNST). Sementara itu kategori komisif mempunyai dua subkategori, iaitu janji (JJ) dan tawaran (TWR). Secara ringkas kategori arahan merujuk ekspresi tujuan (niat) S bahawa ujaran atau sikap yang diekspresi tersebut diterima sebagai satu alasan untuk H bertindak melakukan sesuatu seperti yang diujarkan. Sementara kategori komisif pula merujuk lakuan S mewajibkan diri sendiri atau mencadangkan untuk mewajibkan diri sendiri untuk melakukan sesuatu yang dinyatakan dan juga menentukan syarat-syarat sesuatu perbuatan tersebut harus dilakukan atau tidak harus dilakukan.

Oleh sebab objektif analisis adalah untuk mengklasifikasi dan membincangkan LI dalam kenyataan LHL mengekang penularan wabak COVID-19, analisis yang dilakukan akan hanya berfokus pada kategori arahan dan komisif seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Kedua-dua kategori ini saling berhubungan bagi mengekspresikan perintah dan komitmen Perdana Menteri Singapura untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Aplikasi LI ini secara langsung menggambarkan timbal balik peranan pemerintah dan penduduk negara Singapura yang saling melengkapi untuk memastikan dan mewujudkan kesejahteraan dalam negara. Antara arahan dalam kenyataan LHL adalah seperti “sila duduk di rumah ya”, “... gunakan pelitup ...”, “Jangan sebarkan berita palsu” manakala komisif diekspresikan dalam ujaran seperti “... kami akan lakukan sedaya upaya ...”, dan “... melonggarkan langkah-langkah ...”.

Fokus analisis pada dua kategori dan subkategori ini tidak sama sekali menafikan fungsi bahasa dalam LI yang berbaki, iaitu pengumuman dan perakuan yang tidak dianalisis.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis yang dilakukan telah membuktikan dua aspek penting dalam kenyataan LHL, iaitu pertamanya ciri dan struktur umum kenyataan oleh seorang ahli politik (Perdana Menteri) dan keduanya, ciri linguistik berkaitan dengan daya ilokusi LHL dalam kenyataan yang diberikan. Dapatan kedua ini berkaitan dengan klasifikasi daya ilokusi kategori dan subkategori arahan dan komisif, iaitu objektif analisis yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Walaupun dapatan pertama tidak menjadi objektif pada kajian yang dilakukan, dapatan ini tetap dihuraikan secara ringkas kerana ciri dan struktur kenyataan ini menyumbang pada proses analisis yang dilakukan.

Kenyataan LHL memperlihatkan ciri dan struktur yang menepati pernyataan oleh Neale dan Ele (2007), iaitu bercirikan mudah, langsung dan ayat-ayat yang ringkas. Hal ini bertitik tolak daripada faktor bahawa LHL mewakili kerajaannya untuk menyampaikan maklumat, arahan dan peringatan kepada penduduk Singapura yang berada dalam situasi pandemik COVID-19. Teks kenyataan ini distrukturkan dalam bentuk pemerenggan seperti Rajah 1 Kenyataan Lee Hsien Loong.

Ciri dan struktur kenyataan ini menyumbang kepada proses klasifikasi LI yang sistematik dan sistem pengekodan data yang diaplikasi dalam metodologi.

### Remarks in Malay by PM Lee Hsien Loong on the Novel Coronavirus (nCoV) Situation in Singapore on February 2020



Saudara-saudari sekalian, kita telah menaikkan taraf DORSCON ke jingga. Ini kerana Pemerintah mahu melindungi rakyat Singapura sebaik mungkin.

Ancaman virus korona baru ini sedang pesat berkembang. Kita mesti berani untuk segera bertindak dan dengan sewajarnya, termasuk mengambil langkah-langkah tegas.

Dan kita harus yakin bahawa bersama-sama, kita boleh mengatasinya. Kita pernah menewaskan wabak SARS dahulu. Kini, kita lebih bersedia menangani wabak ini.

Setiap kita ada peranan. Ikuti nasihat Kementerian Kesihatan dan dapatkan maklumat terkini dari sumber yang sahih seperti MUIS dan khidmat WhatsApp Gov.sg. Jaga kebersihan diri sendiri, keluarga dan sekitaran kita, dan ambil langkah berjaga-jaga. Jika anda tidak sihat, segeralah berjumpa doktor. Teruskan kehidupan anda seperti biasa

**Rajah 2** Kenyataan Lee Hsien Loong.

Selanjutnya, analisis LI arahan dan komisif telah menemukan daya ilokusi yang antaranya ditandai oleh penggunaan kata kerja modalitas (KKM), kata kerja aspek (KKA), dan kata kerja (KK). Penggunaan KKM yang ditemui ialah *mesti*, *akan*, dan *boleh*. Menurut Asmah (2008, 127–130) KKM *mesti*, bermaksud tidak boleh tidak. LHL memperlihatkan ketegasannya sebagai pemerintah, iaitu tidak menyediakan pilihan lain atau alternatif, sebaliknya bermaksud wajib dalam usaha mengekang penularan COVID-19. Ketegasan LHL dalam kenyataannya merupakan LI yang secara langsung memperlihatkan fungsi ujaran, iaitu mengarahkan H, iaitu penduduk Singapura mengambil tindakan bersesuaian dengan situasi semasa itu. Sementara itu, fungsi KKM *boleh* merujuk pada keupayaan dan keizinan, manakala fungsi *akan* pula bermaksud tindakan yang dilakukan tersebut mempunyai ciri tujuan dan masa depan, [+ tujuan, + masa depan]. Dalam konteks ini juga fungsi KKM *akan* didapati bertindihan dengan fungsi KKA *akan* yang mempunyai ciri masa depan [+ masa depan]. KKA ialah kata kerja aspek yang memberikan tumpuan pada berlangsungnya sesuatu perbuatan dalam peredaran masa (Asmah, 2008:124–127). Dalam hal yang sama, LHL juga memperlihatkan penggunaan kata kerja yang tertentu dalam kenyataan yang diberikan, iaitu memberikan gambaran senario berkaitan dengan tindakan semasa dan yang akan datang dalam situasi pandemik COVID-19. Ringkasnya daya ilokusi direpresentasi oleh S melalui KKM, KKA dan KK kerana dari aspek semantik kata-kata ini memberikan kesan kepada H untuk bertindak, iaitu LI arahan, manakala bagi LI komisif, jaminan oleh S melalui ekspresi yang dinyatakan. Perbincangan LI dan daya ilokusi ini dipaparkan dalam bahagian yang selanjutnya.

Sehubungan dengan itu bagi mempermudah perbincangan dapatan analisis, perbincangan dipaparkan dalam bentuk jadual berserta contoh ujaran yang relevan dengan LI yang dibincangkan. Kesemua jadual yang dipaparkan mempunyai enam kolum yang merujuk bilangan, kategori dan subkategori LI, kata kerja modalitas, kata kerja aspek, kata kerja dan ujaran yang dirujuk. Hal ini bertujuan merincikan dapatan dan perbincangan daya ilokusi yang dirujuk. Bilangan contoh yang dipaparkan bagi setiap satu LI yang dibincangkan ialah empat kecuali sekiranya jumlah dapatan analisis yang diperoleh kurang daripada yang ditetapkan.

### Lakuan Ilokusi Arahan

Analisis yang dilakukan menemukan tiga subkategori LI arahan yang diaplikasi, iaitu permintaan (PMT), larangan (LR) dan penasihat (PNST). Jadual 2 memaparkan dapatan LI arahan bagi subkategori permintaan. LI subkategori permintaan merujuk pada ekspresi S kepada H untuk melakukan sesuatu (Bach & Harnish, 1979:47–49).

**Jadual 2** LI kategori arahan dan subkategori permintaan.

Bil	Kategori dan Subkategori LI	Kata Kerja Modalitas	Kata Kerja Aspek	Kata Kerja	Ujaran
1	T1P8APMT1	X	X	bantu-membantu, memerlukan	... ayuh kita bantu membantu sesama jiran tetangga, sahabat handai dan rakyat yang lain, khususnya mereka yang lebih memerlukan.
2	T2P3APMT1	mesti	X	bersiap, berubah, menjadi, mendadak	... kita juga mesti bersiap sedia dari segi psikologi jika keadaan berubah menjadi lebih buruk secara mendadak.
3	T3P5APMT1	X	akan	harap, membimbing, terjejas	Saya harap ibu bapa akan terus membimbing anak-anak anda ketika di rumah supaya pendidikan mereka tidak terjejas.
4	T4P12APMT4	X		sila, duduk	... sila duduk di rumah ya.



Dalam usaha mewujudkan sebuah negara yang masyarakatnya mengamalkan sikap yang prihatin, LHL telah mengaplikasi LI permintaan, iaitu T1P8APMT1 yang mengajak setiap anggota masyarakat mengamalkan sikap kesalingan dengan KK *bantu-membantu*, dengan maksud tolong-menolong, iaitu berfokus kepada anggota masyarakat yang *memerlukan*. Permintaan yang dilakukan ini penting dalam situasi negara yang menghadapi pandemik COVID-19 yang memerlukan semua anggota masyarakat bersatu padu. Kata kerja *memerlukan* dalam konteks LI ini merujuk LHL telah mengenal pasti bahawa ada antara penduduk Singapura yang perlu dibantu. Ajakan ini ditandai kata seruan *ayuh*. Kata seruan *ayuh* bermaksud mengajak (PRPM, 2021) yang secara semantiknnya bagi penutur natif bahasa Melayu, merujuk ajakan yang bercirikan [+kebersamaan] untuk menghadapi situasi pandemik COVID-19. Konteks ini, diperkukuh dengan LHL telah menggunakan kata ganti nama *kita* yang mempamerkan sikap bersama-sama, iaitu bersatu padu. *Kita* ialah kata ganti nama diri pertama, berciri [+jamak] yang bermaksud inklusif, iaitu saya dan kamu semua (PRPM, 2021). Bersatu padu dalam konteks ini ialah saling membantu dan ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, *berat sama dipikul ringan sama dijinjing* yang relevan dengan situasi semasa wabak penyakit yang sedang menular. Kejayaan negara dalam berhadapan dengan masalah global ini hanya dapat dicapai apabila wujud solidariti dalam menangani wabak penyakit ini.

Selanjutnya LHL menyedari bahawa situasi semasa yang tidak dapat dijangka ini besar kemungkinannya akan berterusan, iaitu berdasarkan penyataannya pada 12 Mac 2020. Lanjutan itu, LHL telah mengaplikasi LI arahan permintaan T2P3APMT1, iaitu penggunaan KK *bersiap* kepada rakyat Singapura, iaitu bermaksud supaya bersiap siaga akan segala kemungkinan yang boleh berlaku dengan menjelaskan bahawa situasi di luar jangkaan dengan KK *menjadi* dan *mendadak*. Kesiapsiagaan yang ditekankan oleh LHL adalah dari aspek psikologi kerana aspek ini berkaitan dengan tingkah laku mental dan akal manusia ke arah kebaikan (Henriques, 2011). Situasi yang di luar jangkaan tentu sahaja akan memberikan kesan kepada anggota masyarakat. Sehubungan dengan itu, LHL menggunakan KKM *mesti* yang bermaksud tidak mempunyai pilihan, iaitu wajib kepada penduduk Singapura bersiap sedia dengan situasi yang berkemungkinan menjadi lebih buruk daripada yang dijangkakan.

Arahan permintaan LHL yang seterusnya pula berkaitan dengan permintaan kepada ibu bapa semasa tempoh *lockdown*. Penggunaan

KK *harap* (berharap) dalam T3P5PMT1 merujuk permintaan supaya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat diteruskan dengan ibu bapa diminta mengambil alih tugas guru dan sekolah semasa tempoh *lockdown* berlangsung, iaitu mulai 8 April 2020 (Hui Min, 2020). LHL dalam LI permintaan ini juga menggunakan KKA *akan* yang berciri masa depan dengan maksud ibu bapa secara berterusan membantu proses PdP. Kepentingan peranan ibu bapa dalam situasi ini diperkukuh dengan KK *terjejas*, iaitu kesan yang perlu dielakkan dalam proses memberikan pendidikan. Berkesinambungan dengan perintah *lockdown* LHL dalam T4P12PMT4 meminta penduduk Singapura untuk terus berada di rumah dengan penggunaan KK *sila* dan *duduk* yang bermaksud penularan wabak COVID-19 akan dapat dibendung apabila pergerakan mereka dapat dikurangkan.

Tidak sahaja melakukan permintaan, LHL juga menyatakan larangan dalam kenyataannya dengan penggunaan kata larangan *jangan* dalam T1P7ALR1, T4P8ALR1, T4P8ALR2 dan T4P10ALR3 seperti paparan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** LI kategori arahan dan subkategori larangan.

Bil	Kategori dan Subkategori LI	Kata Kerja Modalitas	Kata Kerja Aspek	Kata Kerja	Ujaran
1	T1P7ALR1	X	X	sebarikan	Jangan sebarikan berita palsu.
2	T4P8ALR1	X	X	melawat, tinggal	Jangan melawat orang lain, walaupun saudara-mara rapat atau ibu bapa yang tidak tinggal bersama.
3	T4P8ALR2	X	X	bersentuhan, merebak	... jangan bersentuhan kerana itulah caranya virus ini merebak.
4	T4P10ALR3	X	X	terpaksa, keluar, berlengah	... jika terpaksa keluar rumah ... . Jangan berlengah. Segera pulang ke rumah.

LHL dalam konteks ini menegah penduduk Singapura melakukan perbuatan yang akan menyebabkan situasi memburuk dengan menggunakan kata larangan *jangan* dan KK *sebar*, *melawat*, *tinggal*, *bersentuhan*, *merebak*, *terpaksa*, *keluar* dan *berlengah*. Larangan dalam T1P7ALR1 merujuk penyebaran berita palsu yang dilarang keras kerana akan memberikan implikasi yang buruk, iaitu menyebabkan anggota masyarakat menjadi panik dan menimbulkan masalah huru-hara dalam negara (Koh, 2020). Larangan juga dikenakan terhadap aktiviti ziarah-menziarahi, T4P8ALR1 dan bersentuhan, T4P8ALR2 yang dapat menjadi punca pada penularan wabak COVID-19 seperti pernyataan oleh World Health Organization (WHO), (2020b). Sementara itu, memahami bahawa akan berlaku situasi anggota masyarakat tidak mempunyai pilihan, iaitu T4P10ALR3 yang terpaksa keluar dari rumah atas urusan yang penting, LHL didapati membenarkan tindakan tersebut tetapi melarang berlakunya pelengahan masa atau berlama-lama semasa berada di luar. Kesemua

**Jadual 4** LI kategori arahan dan subkategori penasihat.

Bil	Kategori dan Subkategori LI	Kata Kerja Modalitas	Kata Kerja Aspek	Kata Kerja	Ujaran
1	T1P4PNST1	X	X	berjumpa	Jika anda tidak sihat, segeralah berjumpa doktor.
2	T4P10PNST1	X	X	perluan, minta	Jika anda perlukan apa-apa, minta sahaja bantuan orang lain
3	T4P10PNST2	X	X	terpaksa, keluar, lakukan, gunakan, jaga	Jika terpaksa keluar rumah untuk lakukan perkara penting, gunakan pelitup dan pastikan anda jaga jarak selamat dari orang lain.

KK yang dirujuk ini menjelaskan tindakan LHL mencegah perbuatan yang dilarang daripada berlaku semasa tempoh pandemik kerana kesan perbuatan tersebut akan menggagalkan langkah membendung penularan.

Berkesinambungan dengan sikap pemimpin yang prihatin, LHL didapati mengaplikasikan LI subkategori penasihatn seperti dalam Jadual 4.

LI penasihatn LHL kepada audiensnya ditandai dengan KK berjumpa, perlukan, *minta*, *terpaksa*, *keluar*, *lakukan*, *gunakan* dan *jaga*. Penasihatn ini juga merupakan peringatan yang sekali gus memberikan gambaran tentang keprihatinan LHL kepada rakyat Singapura. Keprihatinan yang berunsur penasihatn ini merujuk situasi sekiranya ada antara anggota masyarakat yang berasa tidak sihat, maka LHL menasihatkan mereka ini supaya segera bertemu dengan doktor bagi tujuan perawatan seperti paparan pada T1P4PNST1. Hal ini kerana kadangkala empunya diri yang tidak sihat tidak mengetahui bahawa diri mereka telah dijangkiti. Sementara itu, khususnya kepada warga emas dalam T4P10PNST1, LHL memahami kesukaran yang mungkin dihadapi oleh warga yang telah berusia ini. Sehubungan dengan itu, LHL telah menasihati golongan ini, iaitu sekiranya memerlukan apa-apa, diusulkan golongan ini meminta bantuan daripada orang lain. Situasi ini juga bertitik tolak bahawa warga emas merupakan golongan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti. LHL juga menyedari bahawa akan berlaku situasi yang tidak berpihak kepada golongan ini, iaitu mereka tidak mempunyai pilihan lain (T4P10PNST2), golongan warga emas ini dinasihatkan memakai pelitup muka dan menjaga jarak yang selamat. Pemakaian pelitup muka ini sekurang-kurangnya dapat melindungi warga emas daripada dijangkiti. Terbukti kenyataan oleh LHL tidak rigid dalam pelaksanaan langkah membendung penularan wabak, iaitu sesuai dengan peribahasa Inggeris, *better bend than break*. Sebagai seorang pemimpin negara, LHL telah meletakkan dirinya dalam situasi rakyat yang dirujuk, iaitu *put yourself in their shoes* yang memahami masalah yang mungkin sahaja berlaku semasa itu. LI subkategori penasihatn ini memperlihatkan penggunaan KK yang berkaitan dengan proses membendung penularan wabak.

### **Lakuan Ilokusi Komisif**

Tugas pemimpin negara tidak sahaja memberikan arahan melakukan sesuatu. Pemimpin juga dalam masa yang sama memperlihatkan komitmen, iaitu mewajibkan diri sendiri melakukan sesuatu (Bach & Harnish, 1979,

49–51). Analisis yang dilakukan menemukan LI komisif subkategori janji dalam kenyataan LHL. Janji dalam konteks ini, dibahagikan kepada dua situasi, iaitu pertamanya, jaminan akan kesihatan pekerja asing dan keduanya, ganjaran (*reward*) sekiranya penduduk Singapura dapat mematuhi arahan seperti yang ditetapkan oleh pemerintah. Jadual 5 yang berikut memaparkan LI kategori komisif dan subkategori janji.

Dalam T4P4AJJ1, janji LHL merupakan jaminan terhadap usaha yang akan dilakukan secara sedaya upaya oleh pemerintah bagi memastikan tahap kualiti kesihatan pekerja asing di Singapura. Janji ini ditandai dengan KKM *akan* dan KK *lakukan* dan *pastikan*. KKM *akan* memperlihatkan ciri [+ tujuan, + masa depan], iaitu jaminan bahawa kebajikan pekerja asing di Singapura tidak akan diabaikan. Sementara KK *lakukan* dan *pastikan* merujuk tindakan yang dijanjikan oleh LHL, iaitu jaminan akan kesihatan pekerja asing bukan sahaja semasa bekerja di Singapura sebaliknya juga apabila mereka kembali ke negara asal. Tindakan ini bertitik tolak daripada rasa menghargai kepentingan sumbangan pekerja asing di Singapura selari dengan penyataan LHL pada 10 April 2020 dan petikan akhbar yang melaporkan tentang pendapat Dewan Perniagaan dan Perindustrian India,

**Jadual 5** LI kategori komisif dan subkategori janji.

Bil	Kategori dan Subkategori LI	Kata Kerja Modalitas	Kata Kerja Aspek	Kata Kerja	Ujaran
1	T4P4AJJ1	akan	X	lakukan, pastikan	... kami akan lakukan sedaya-upaya untuk pastikan mereka sihat dan sejahtera apabila kembali ke pangkuan anda.
2	T5P8AJJ1	boleh	X	berjalan, melonggarkan	Jika semua berjalan lancar, kami boleh melonggarkan langkah-langkah ini kemudian.

Melayu dan Cina Singapura berkaitan dengan kepentingan pekerja asing di Singapura (Zhang, 2020).

Sementara itu, janji yang bersifat ganjaran ditandai dengan KKM *boleh* dan KK *berjalan* dan *melonggarkan* dalam T5P8AJJ1. KKM *boleh* seperti yang dinyatakan sebelum ini merujuk keupayaan dan keizinan, iaitu memperlihatkan janji LHL apabila penduduk Singapura dapat mematuhi peraturan dan arahan, kelonggaran peraturan akan diberikan pada masa depan. Kenyataan ini memperlihatkan bahawa hanya Perdana Menteri Singapura sahaja yang berkuasa menentukan peraturan yang ditetapkan. Kelonggaran peraturan dalam konteks ini merujuk peraturan yang ditetapkan dan secara implisitnya diakui rigid oleh pemerintah. Hal ini dapat dibuktikan melalui ayat “kami boleh melonggarkan langkah-langkah ini kemudian”. Janji seperti ini tidak hanya diberikan oleh pemimpin di Singapura, janji yang sama dalam konteks yang agak berbeza diberikan oleh Perdana Menteri di Malaysia juga. Di Malaysia, peraturan sekatan rentas negeri dilakukan bagi membendung penularan COVID-19. Walau bagaimanapun, pemerintah di Malaysia telah menjanjikan kelonggaran peraturan, iaitu sekiranya rakyat mematuhi *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan, sekatan rentas negeri yang dikenakan sebelum ini akan dilonggarkan pada masa depan (Ahmad Suhael, 2021).

Dapatan analisis ini memperlihatkan LHL telah mengaplikasikan kepelbagaian subkategori LI arahan dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19 sejak awal penularan ini dapat dikesan di Singapura. LI arahan dengan subkategori permintaan, larangan dan penasihat bertujuan memastikan kesejahteraan kehidupan penduduk Singapura. Arahan ini menggambarkan tanggungjawab Perdana Menteri terhadap penduduk di negaranya dengan menyampaikan maklumat bertujuan peringatan dan usul pematuhan pada peraturan yang ditetapkan. Sementara itu hanya terdapat satu sahaja LI komisif yang diaplikasi, iaitu janji. Janji dalam konteks ini merupakan ganjaran yang sememangnya penting dalam memupuk perlakuan yang diinginkan seperti yang dibincangkan dalam teori behaviourisme di bawah konsep pengukuhan negatif, persyaratan operasi yang dibincangkan oleh Skinner (1938). Pengukuhan negatif ini merujuk dorongan tingkah laku tertentu dengan membuang atau mengelakkan akibat atau rangsangan negatif. Dalam konteks situasi pandemik COVID-19, undang-undang yang rigid seperti kompaun yang dikenakan sekiranya tidak memakai pelitup muka dan sekatan pergerakan merupakan pengukuhan negatif yang tidak digemari oleh anggota masyarakat.

Peraturan ini bertujuan baik, iaitu menyekat penularan wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak digemari oleh anggota masyarakat yang telah terbiasa dengan kehidupan yang bebas dan kini diminta menjalani kehidupan dalam norma baharu. Situasi ini sekiranya berterusan akan menimbulkan protes rakyat (Mahani, 2021). Situasi ini difahami oleh pihak pemerintah. Sehubungan dengan itu, janji diberikan bahawa semua peraturan ini bersifat sementara, iaitu sekiranya anggota masyarakat patuh akan undang-undang yang ditetapkan dan penularan wabak dapat dikurangkan, peraturan ini akan dapat dilonggarkan.

Aplikasi LI dan kepelbagaian subkategori ini juga memperlihatkan LHL seorang yang bertanggungjawab untuk memastikan penduduk negara Singapura terjamin keselamatannya. LHL tidak sahaja melaksanakan peraturan baharu untuk rakyat Singapura tetapi juga mengambil tanggungjawab menjaga kebajikan pekerja asing yang peranan mereka diakui penting bagi negara Singapura. LI dan daya ilokusi yang diaplikasi telah menjelaskan tindakan LHL dan ahli kabinetnya berkaitan dengan situasi COVID-19. Kenyataan yang diberikan ini penting bagi rakyat Singapura yang telah memilih mereka dalam pilihan raya yang diadakan. Tindakan yang dilakukan oleh LHL ini merepresentasi ciri tadbir urus yang baik (*good governance*). Ciri tadbir urus baik ialah sebuah kerajaan yang mempamerkan ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban (Bundschuh-Rieseneder, 2008). Sehubungan dengan itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kenyataan yang diberikan merupakan bentuk komunikasi antara pemerintah dan rakyat. Walaupun kenyataan yang diberikan bersifat sehalu, fungsi kenyataan ini tidak dapat dinafikan penting dan bertujuan memaklumkan situasi, tindakan dan langkah pencegahan dari semasa ke semasa. Kenyataan yang diberikan merupakan saluran rasmi yang diyakini dapat diakses oleh rakyat sama ada melalui televisyen atau platform media sosial. Tindakan memberikan kenyataan ini merupakan satu ketelusan dan kebertanggungjawaban pemerintah.

Sementara itu, daya ilokusi yang direpresentasi melalui KKM, KKA dan KK memperkukuh kesan LI yang dibincangkan. Dapatan ini ternyata selari dengan dapatan kajian oleh Ramanathan, Paramasivam dan Tan (2020) bahawa KK yang digunakan tersebut mendukung makna tindakan.

## **KESIMPULAN**

Pandemik COVID-19 memberikan kesan yang besar kepada semua negara di dunia ini. Dalam usaha menangani wabak ini pelbagai langkah

telah diambil dan diimplementasi. Hal yang sama berlaku di Singapura. Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong (LHL) telah membuat lima kenyataan berkaitan dengan COVID-19 dalam bahasa Melayu. Kenyataan ini bermotif mengekang penularan COVID-19. Kenyataan yang diberikan sememangnya wajar mendapat perhatian penduduk Singapura kerana dalam kenyataan ini LHL menyampaikan maklumat, peringatan dan pematuhan peraturan. Kandungan kenyataan LHL dianalisis dengan mengaplikasi teori LT Bach dan Harnish (1979). Teori ini mengemukakan empat kategori LI. Walau bagaimanapun, analisis ini hanya berfokus pada dua kategori lakuan tuturan, iaitu arahan dan komisif; serta subkategorinya.

Usaha mengekang penularan wabak ini memperlihatkan LHL mengaplikasi LI arahan dan komisif dengan daya ilokusi yang memberikan kesan kepada audiensnya. Dapatan analisis memperlihatkan daya ilokusi yang ditandai dengan penggunaan KKM, KKA dan KK. Antara KKM yang digunakan ialah *mesti*, *boleh* dan *akan*; KKA, *akan*; dan KK, *harap* (berharap), *bersiap*, *melonggarkan* dan sebagainya. Kesemua daya ilokusi ini menimbulkan kesan arahan dan komisif dalam kenyataan yang diberikan. Aplikasi kedua-dua kategori dan subkategori ini merepresentasi LHL mempraktikkan ciri tadbir urus baik dalam pemerintahannya dalam mengekang penularan COVID-19.

Kajian yang dilakukan ini merupakan bukti bahawa LI dalam ujaran mempunyai fungsi yang tertentu daripada S, iaitu penutur kepada H, pendengar. Fungsi ujaran ini berkadar langsung dengan genre dan objektif sesuatu komunikasi. Sehubungan dengan itu, diusulkan kajian pada masa depan akan berfokus pada genre lain seperti interaktif rancangan memasak, pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam talian dan sebagainya. Kajian dengan menggunakan kepelbagaian genre ini akan akhirnya dapat menyediakan satu data raya LI yang diaplikasi dalam komunikasi yang bersifat kontemporari.



## RUJUKAN

- Adib Povera & Arfa Yunus. (2020, April 10). PM: We have to adjust to a ‘new normal’. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583153/pm-we-have-adjust-new-normal>
- Ahmad Suhael Adnan. (2021). Balik kampung sambut Aidilfitri jika kekal patuh SOP. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/798471/balik-kampung-sambut-aidilfitri-jika-kekal-patuh-sop>
- Akinkurolere, S. (2020). Exploring the significance of context in meaning: Speech act features of performative political-speeches of President Umaru Musa Yar’Adua. *Athens Journal of Humanities & Arts*, 7(1), 63–84.
- Austin, J.L. (1962). *How to do things with words*. Oxford University Press.
- Bach, K., & Harnish, R M. (1979). *Linguistic communication and speech acts*. The MIT Press.
- Brown, K. & Miller, J. (2013). *The cambridge dictionary of linguistics*. Cambridge University Press.
- Bundschuh-Rieseneder, F. (2008). Good governance: Characteristics, methods and the Austrian examples. *Transylvanian Review of Administrative Sciences*, 4, 26–52.
- Dylgjeri, A. (2017). Anaylisis of speech acts in political speeches. *European Journal of Social Sciences Studies*. 2(2), 19–26.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir & Zaliza Zubir. (2020). Lakukan ilokusi kenyataan zahid hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 96–114.
- Hui Min, C, . (2020). ‘Right time’ to close schools now, says Education Minister Ong Ye Kung. <https://www.channelnewsasia.com/news/singapore/schools-to-close-apr- 8-ong-ye-kung-covid19-coronavirus-12606672>
- Henriques, G. (2011). Defining Psychology. In *A new unified theory of psychology* (pp. 181–207). Springer.
- Indirawati Zahid. (2021). *Makna: Konsep dan komunikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Khalid, B., & Ameen, N. (2019). A speech act analysis of political speeches on Yazidi massacre. *Zanco Journal of Humanity Sciences*, 23(4), 294–307.
- Koh, F. (2020). Parliament: About 40 instances of COVID-19 fake news debunked since start of 2020, says S. Iswaran. <https://www.straittimes.com/singapore/parliament-about-40-instances-of- COVID-19- fake-news-debunked-since-start-of-2020>
- Krishnan, I.A., De Mello, G.D., Arumugam, N., Suppiah,P.C., Paramasivam, S. & Mohammad Nor Afandi Ibrahim. (2021) . First MCO announcements of COVID-19. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 992–1008.

- Lester, J.N., Cho, Y., & Lochmiller, C.R. (2020). Learning to do qualitative data analysis: A starting point. *Human Resource Development Review*, 19(1), 94–106.
- Mahani Ishak. (2021). Tidak wajar naikkan kompaun ingkar PKP. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781570/tidak-wajar-naikkan-kompaun-ingkar-pkp>
- Maisarah Ahmad Kamil & Fatin Fatinah Shamshul Bahrn. (2020). A speech act analysis of the prime minister's speech pertaining to the movement control order (MCO) to address the COVID-19 pandemic in Malaysia. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(4), 1–13.
- McCawley, J. (1977). Remarks on the Lexicography of Performative Verbs dalam Rogers, B.W.A. & Murphy, J.P. (Eds). *Proceedings of the Texas Conference on Performatives, resuppositions and Implicatures*, 13–25. Centre for Applied Linguistics.
- Merriam-Webster Dictionary, (2021). <https://www.merriam-webster.com/dictionary/remark>
- Neale, T.H., & Ele, D. (2007). *Speechwriting in perspective: A brief guide to effective and persuasive communication*. <https://fas.org/sgp/crs/misc/98-170.pdf>
- Nikita, A. (2011). *Successful public speaking*. [https://www.isbtweb.org/fileadmin/user\\_upload/successful-public-speaking.pdf](https://www.isbtweb.org/fileadmin/user_upload/successful-public-speaking.pdf)
- Nura Siti Mufiah & Muhammad Yazid Nur Rahman. (2018). Speech acts analysis of Donald Trump's speech. *PROJECT Profesional Journal of English Education*, 1(2), 125- 132.
- Parsons, S., Kruijt, A & Fox, E. (2016). A cognitive model of psychological resilience. *Journal of Experimental Psychopathology*, 7(3), 296–310.
- Prime Minister's Office, Singapore. (2021, February 13). *PM Lee Hsien Loong on the Covid-19 situation in Singapore on 8 February 2020*. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/PM-Lee-Hsien-Loong-on-the-Novel-Coronavirus-nCoV-Situation-in-Singapore-on-8-February-2020>
- Prime Minister's Office, Singapore. (2021, February 13). *PM Lee Hsien Loong on the Covid-19 situation in Singapore on 12 March 2020*. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/PM-Lee-remarks-COVID-19-Outbreak-12-Mar-2020>
- Prime Minister's Office, Singapore. (2021, February 13). *PM Lee Hsien Loong on the Covid-19 situation in Singapore on 3 April 2020*. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/PM-Lee-Hsien-Loong-on-the-COVID19-situation-in-Singapore-on-3-April-2020>

- Prime Minister's Office, Singapore. (2021, February 13). *PM Lee Hsien Loong on the Covid-19 situation in Singapore on 10 April 2020*. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/PM-Lee-Hsien-Loong-on-the-COVID-19-situation-in-Singapore-on-10-April-2020>
- Prime Minister's Office, Singapore. (2021, February 13). *PM Lee Hsien Loong on the Covid- 19 situation in Singapore on 21 April 2020*. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/PM-Lee-Hsien-Loong-address-COVID-19-21-Apr>
- Pusat Rujukan Pendokumentasi Melayu, (PRPM). (2021). <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ayuh>
- Pusat Rujukan Pendokumentasi Melayu, (PRPM). (2021). <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kita>
- Ramanathan, R., Paramasivam, S. & Tan B.H. (2020). Discursive strategies and speech acts in political discourse of Najib and Modi. *Shanlax International Journal of Education*, 8(3), 34–44.
- Searle, J. (1969). *Speech acts*. Cambridge University Press.
- Searle, J. (1976). A Classification of illocutionary acts. *Language in Society*, 5(1), 1–23.
- Searle J. R. & Vanderveken D. (1985). *Foundations of illocutionary logic*. Cambridge University Press.
- Skinner, B. F. (1938). *The behavior of organisms: An experimental analysis*. Appleton- Century.
- West, R. & Turner, L.H. (2010). *Introducing communication theory: Analysis and application*. McGraw-Hill Higher Education.
- Wodak, R. (2005). Feminist critical discourse analysis: New perspectives for interdisciplinary gender studies. Symposium on CDA: Feminist CDA and interdisciplinary; Right-wing populism local answers to global issues, Athens.
- Wong. L.P. (2008). Data analysis in qualitative research: A brief guide to using nvivo. *Malays Fam Physician*, 3(1),14–20.
- World Health Organization (WHO). (2020a). Coronavirus. [https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1)
- World Health Organization (WHO). (2020b). Coronavirus disease (COVID-19): How is it transmitted? <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/question-and-answers-hub/q-a-detail/coronavirus-disease-covid-19-how-is-it-transmitted>
- World Health Organization (WHO). (2021). COVID-19 vaccines offer hope, other prevention measures must continue. <https://www.who.int/westernpacific/news/commentaries/detail-hq/COVID-19-vaccines-offer-hope-but-other-prevention-measures-must-continue>

Yule, George.(1996). *Pragmatics*. Oxford University Press.

Zhang, L.M. (2020). Coronavirus: Migrant workers important to S'pore economy, say business and trade groups in response to calls to limit numbers. <https://www.straittimes.com/singapore/business-and-trade-groups-underline-importance-of-migrant-workers-to-singapore-economy>.